

## **Pandangan Hamka terhadap Pengkajian Ulum Al-Quran dalam Tafsir Al-Azhar**

### *Hamka's View on The Study of Ulum Al-Quran in Tafsir Al-Azhar*

Zulfikri<sup>1\*</sup>, Arwansyah Kirin<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Ph.D Student-Basic Islamic Sciences, Bursa Uludağ University, TURKEY

<sup>2</sup>Pensyarah Jabatan Pengajian Islam, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn, MALAYSIA

\*zoulfikri@gmail.com

DOI: <https://doi.org/10.30880/ahcs.2020.01.01.007>

Received 29 October 2020; Accepted 8 November 2020; Available online 02 Month 2020

**Abstrak:** Kajian Ulum al-Quran sangat penting untuk pengembangan studi tafsir. Ilmu ini sentiasa berkembang dari dahulu hinggalah sekarang. Teori Ulum al-Quran penting dipelajari, dipahami dan digunakan oleh ahli tafsir untuk menemukan makna, maksud dan pengertian yang luas daripada ayat-ayat al-Quran. Salah satu karya yang tidak terlepas daripada teori Ulum al-Quran adalah Tafsir al-Azhar karangan Hamka. Karya beliau ini banyak ditemui di Nusantara terutama Indonesia. Untuk menafsirkan ayat-ayat al-Quran, beliau menggunakan beberapa pandangan tersendiri terhadap Ulum al-Quran yang menyokong penafsirannya. Oleh itu penting untuk menjelaskan pandangan beliau tersebut agar dapat dikenali oleh orang banyak terutama para penuntut ilmu. Tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis pandangan Hamka terhadap study Ulum al-Quran dalam Tafsir al-Azhar dan mengungkap sejauhmana pengetahuan dan statusnya sebagai penafsir melalui bukunya Tafsir al-Azhar. Metodologi kajian ini adalah kualitatif melalui kaedah kepustakaan dan reka bentuk analisis kandungan Tafsir al-Azhar. Kajian ini mendapati bahawa dalam mengulas pengertian dan pandangan terhadap Ulum al-Quran, Hamka hanya menjelaskan dengan sederhana, dan terkadang memberi beberapa contoh teori daripada makna al-Quran, Tafsir, Ta'wil, I'jaz, Muhkam-Mutasyabih, Makiyah-Madaniyah, Nasikh-Mansukh, Asbab al-Nuzul. Ulasan pengertian Ulum al-Quran tersebut dikuatkan oleh penafsiran ayat-ayat yang berkaitan dengannya dan penguatan daripada ulama salaf dan khalaf sehingga pembaca dapat memahami tafsirnya dengan jelas dan mudah. Kajian ini menemukan bahawa Hamka memiliki kemampuan dan pengetahuan yang baik dalam Ilmu Tafsir dan dapat memberikan pemahaman kepada masyarakat tentang pandangan beliau terhadap study Ulum al-Quran dalam kitabnya Tafsir al-Azhar.

**Kata Kunci:** Hamka, Tafsir al-Azhar dan Ulum al-Quran

**Abstract:** *The study of Ulum al-Quran is very important for the development of Tafseer studies. This science continues to develop from classical times to the present. The theories of Ulum al-Quran is essential to be studied, understood, and used by commentators to find the meaning, purpose, and broad understanding of the verses of the Quran. One of the works that have not escaped the theory of Ulum al-Quran is Tafsir al-Azhar by Hamka. This tafsir is widely found and read in the archipelago, especially in Indonesia. In interpreting the Quran, Hamka explained his thoughts on the Ulum al-Quran, which supported his interpretation. Therefore, it is essential to explain his views so that the public, especially Quranic scholars, can know them. The purpose of this study is to analyze Hamka's views on the study of Ulum al-Quran in Tafsir al-Azhar and reveal the extent of his knowledge and status as an interpreter through his book Tafsir al-Azhar. The method for this study is qualitative, through the use of library research and analysis design of the content in the book of Tafsir al-Azhar. This research was conducted with a descriptive-analytical method and focused on the literature review. As a result, in reviewing the definitions of Ulum al-Quran Hamka, he only explains simply. He sometimes gives several theoretical examples of the meaning of the Quran, Tafsir, Ta`wil, Ijaz, Muhkam-Mutasyabih, Makiyah-Madaniyah, Nasikh-Mansukh, Asbab al-Nuzul. Here the author completes and strengthens the understanding from interpreting the verses related to the Ulum al-Quran. Then Hamka more on strengthening the understanding of Ulum al-Quran from Salaf and Khalaf scholars. So that readers of the tafsir can understand more clearly the interpretation of the verses of the Qur'an correctly and efficiently. Then, Hamka has adequate capacity and knowledge in the science of Interpretation. Moreover, it can explain to the public about the study of the Ulum al-Quran in a simple manner.*

**Keywords:** *Hamka, Tafsir al-Azhar and Ulum al-Quran*

## 1. Pendahuluan

Al-Quran diturunkan sebagai kitab suci yang mulia, petunjuk, memberikan penjelasan, sumber utama ajaran Islam dan sumber inspirasi bagi umat Islam dalam kehidupan [1]. Usaha untuk mendapatkan makna, pemahaman yang baik daripada al-Quran, ianya sentiasa dikaji oleh pengkaji dengan pelbagai metode dan pengajaran [2]. Semua itu termasuk dalam ruang lingkup makna tafsir. Untuk memahami tafsir al-Quran ianya perlu kepada ilmu-ilmu al-Quran (*Ulum al-Quran*). *Ulum al-Quran* merupakan alat dan kumpulan ilmu al-Quran untuk mempermudah dalam menafsirkan dan memahami al-Quran. Ianya juga bahagian daripada ilmu memahami wahyu Allah, mulai daripada proses turunnya, susunan penulisan, model penulisan, kodifikasi/pembukuan, cara pembacaan, penafsiran, i'jaz al-Quran, ilmu nasikh-mansukh, ilmu muhkam-mutasyabih, dan lain sebagainya [3]. Pada masa permulaan Islam istilah *Ulum al-Quran* belum begitu terkenal, tetapi kajian tentangnya sudah mulai diterapkan oleh para sahabat generasi awal, seperti Ibn Abbas, Zaid bin Tsabit, Malik bin Anas, Mujahid, Ikrimah, dan yang lain. Pada abad ke-5 istilah *Ulmul Quran* sudah mulai berkembang. Di antara karya pertama tentang *Ulum al-Quran* ialah *al-Burhan fi Ulumil Qur'an* karya Ali bin Ibrahim al-Hufy (w. 340H) [4]. Setelah itu perkembangan tentang ilmu ini mulai meluas dan banyak ditulis oleh para ulama di antaranya Zarkasyi, Suyuti, Zarqani hingga masa kontemporer seperti Abdullah Saed, Nasir Hamid Abuzaid, Muhammad Sahrur, dan lainnya.

Setiap mufassir memiliki metodologi dan pemahaman sendiri tentang *Ulum al-Quran*, Oleh kerana itu seorang penafsir ketika ingin menafsirkan al-Quran dia juga harus faham tentang *Ulum al-Quran* terutama para mufassir kontemporer di antaranya adalah Hamka dalam karyanya Tafsir al-Azhar. Dalam Tafsir al-Azhar jilid 1 dinyatakan bahawa sebelum menafsirkan ayat al-Quran, Hamka terlebih

dahulu memberikan penjelasan tentang pentingnya memahami al-Quran dengan menjelaskan beberapa pembahasan daripada *Ulum al-Quran*. Hal ini perlu dijelaskan agar mudah dalam memahami isi kandungan al-Quran.

Cabang ilmu dalam *Ulum al-Quran* sangatlah banyak. Al-Ghazali menyebutkan terdapat kurang lebih 77.200 ilmu, sedangkan Ibn al-'Arabi memperkirakan sekitar 77.450 ilmu dengan jumlah kata yang bermakna zahir, batin, terbatas dan tidak terbatas [5]. Namun dalam kajian ini penulis hanya fokuskan kepada pengertian *al-Quran, Tafsir, Ta'wil, I'jaz, Muhkam-Mutasyabih, Nasikh-Mansukh, Makiyah-Madaniyah dan Asbab al-Nuzul* dan pandangan Hamka terhadapnya.

## **2. Sorotan Literature Penulis Buku**

### **2.1 Pengenalan Biografi Penulis Buku Hamka**

Nama sebenar beliau adalah Haji Abdul Karim Amrullah dan dikenali ramai dengan panggilan "Hamka". Beliau lahir pada 19hb Februari 1908 (13 Muharram 1362 H) di kota Maninjau, Sumatera Barat (Indonesia). Pendidikan awal dia perolehi daripada orang tuanya, dan pondok pesantren Diniyyah Padang Panjang, yang didirikan oleh Zainuddin Labay El-Yunusi [6]. Hamka juga belajar daripada Bagindo Sinaro (seorang ahli pendidikan pada masa itu di Minangkabau). Kemudian beliau belajar *Tafsir Baidhawi* daripada Ki Bagus Hadikusumo. Berdiskusi dengan H. Fachruddin, Syamsul Ridjal dan HOS Cokroaminoto tentang *Islam dan Sosialisme*, terakhir beliau belajar daripada Sutan Mansur [7].

Ketika berusia 17 tahun iaitu tahun 1925 Hamka menulis buku dengan judul "Khatibul Ummah" (kumpulan pidato-pidatonya) [8]. Pada tahun 1927 beliau pergi ke tanah suci Makkah untuk menunaikan ibadah haji dan belajar di sana selama 6 bulan. Kemudian Pada 18 hb Disember 1949 Hamka merantau ke Jakarta dan bekerja di Departemen Agama. Selain itu beliau juga mengajar di beberapa Universiti sebagai pensyarah, dan dilantik menjadi rektor (Naib Canselor) Perguruan Tinggi Islam Jakarta dan guru besar (Profesor) di Universitas Moestopo Jakarta [9]. Selain itu beliau juga dilantik menjadi pegawai negeri pada tahun 1951-1960. Beliau aktif menulis di pelbagai surat kabar, majalah dan sering dijemput dalam acara seminar dan ceramah ke beberapa negara seperti Amerika, Irak, Lahore, Arab Saudi, Mesir, Malaysia dan yang lain. Beliau pernah mendapat penghargaan Doktor Kehormat (Honoris Causa) dari Universiti al-Azhar pada tahun 1958 dan dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1974 [10]. Dipenghujung usianya beliau dilantik menjadi imam besar di Masjid al-Azhar Kebayoran Baru Jakarta dan menyampaikan tafsir al-Quran. Hamka meninggal dunia pada hari Jumaat 24hb Julai 1981M.

### **2.2 Pengenalan Tafsir al-Azhar**

Di antara Karya Hamka yang terkenal ialah Tafsir al-Azhar. Pada awalnya Tafsir al-Azhar merupakan pengajian tafsir yang dilakukan pada subuh hari di Masjid Agung al-Azhar ianya bermula daripada surah al-Kahfi, Juz XV, hal ini berlangsung semenjak tahun 1959. Kemudian beliau mula untuk menuliskannya dalam bentuk kitab, awalnya beliau tulis dalam majalah *Gemal Islam* pada bulan Januari 1962 hingga Januari 1964, namun yang mampu dituliskan hanya 1.5 juzuk daripada juzuk 18 dan 19 [11]. Pada tahun 1954-1966 beliau di masukkan dalam penjara kerana ada fitnah keji terhadapnya. Selama dalam penjara beliau melanjutkan penulisan *Tafsir al-Azhar* hinggalah selesai [12]. Tafsir al-Azhar ditulis dalam bahasa Indonesia (Melayu) [13]. Permulaan kitab dimulai dengan *muqaddimah* setelah itu pendahuluan. Dalam pendahuluan Hamka menjelaskan pentingnya menafsirkan al-Quran dalam bahasa Melayu dengan memenuhi syarat-syarat utama ilmu tafsir seperti yang telah ditetapkan oleh para ulama. Dalam bab seterusnya, Hamka membahas pelbagai isu berkaitan al-Quran dan tafsir, iaitu *Bab al-Quran, Bab 'Ijaz al-Quran, Bab Isi Mukjizat al-Quran, Bab Lafaz dan Makna al-Quran dan Bab Menafsirkan al-Quran* dan sebagai. Di antara bab yang paling penting adalah Haluan Tafsir, kerana dalam bab ini, Hamka menjelaskan metode penulisan *Tafsir al-Azhar*.

Tujuan Hamka dalam menulis ulasan ini terdiri daripada 4 faktor; (1), Usaha Hamka untuk menterjemahkan dan menafsirkan ayat-ayat Al-Quran ke dalam bahasa Indonesia atau bahasa Melayu adalah untuk meneruskan usaha nenek moyang sebelumnya seperti Syeikh Abdurrauf bin Ali Fansuri pada abad ke-17 Masihi di Aceh, dan juga untuk meneruskan input, usaha rakan-rakan lain dan terjemahan yang mereka telah menyusun. (2), Keinginan Hamka untuk menanamkan semangat dan kepercayaan Islam dalam jiwa generasi muda Indonesia yang sangat berminat untuk memahami Al-Quran tetapi terhalang oleh ketidakmampuan mereka untuk menguasai pengetahuan bahasa Arab. (3), untuk memudahkan pemahaman mubaligh, dan untuk meningkatkan penyampaian khutbah yang diambil daripada kitab-kitab berbahasa Arab. (4), ingin meninggalkan pusaka yang boleh digunakan untuk rakyat Indonesia (melayu) dan umat Islam. Di samping itu, membantu memahami dan memahami rahsia Al-Quran dengan betul.

Apabila dilihat dari segi metode, maka Tafsir al-Azhar dapat dikategorikan sebagai tafsir *Tahlili* [14] iaitu tafsir yang menjelaskan ayat-ayat al-Quran dengan menerangkan aspeknya secara terperinci serta menyingkap seluruh maksudnya mulai daripada uraian makna kosa kata, makna kalimat, maksud setiap ungkapan, hubungan antara ayat yang satu dengan yang lain (*munasabah ayat*) dengan bantuan *asbab al-nuzul ayat*, riwayat-riwayat yang berasal daripada Nabi Muhammad S.A.W, sahabat dan tabi'in. Metode penyusunan *Tahlili* ini dilakukan dengan mengikuti susunan mushaf iaitu ayat per ayat dan surat per surat mulai daripada awal surah hinggalah surah terakhir. Selain metode *Tahlili* Tafsir al-Azhar juga memiliki metode penafsiran *al-Adab al-Ijtima'i* (sosial kemasyarakatan) [15]. Metode ini menitikberatkan ketelitian penulis dan editor dalam menjelaskan ayat-ayat al-Quran, kemudian menyusun kandungannya dalam suatu platform yang indah dengan menonjolkan aspek petunjuk al-Quran bagi kehidupan, serta menghubungkan kaitkan maksud ayat-ayat tersebut dengan hukum alam yang berlaku dalam masyarakat dan perkembangan dunia tanpa menggunakan istilah-istilah disiplin ilmu kecuali dalam batasan yang diperlukan sahaja. Ini juga bisa disebut tafsir kontekstual, mengacu pada aspek sosio-masyarakat [16].

Metode penafsiran secara *Ijtima'i* yang dibuat oleh Hamka ini dipengaruhi oleh tafsir-tafsir yang pernah dibacanya di antaranya ialah Tafsir al-Manar [17], yang mengaitkan penafsiran al-Quran dengan sejarah dan peristiwa yang berlaku pada zaman moden [18]. Selain itu juga dipengaruhi oleh tafsir *Fi Zilal al-Quran* karya Sayyid Qutb dalam gaya bahasa, sastera dan *munasabah ayat*. *Tafsir Al-Azhar* diterbitkan pertama kali oleh Penerbit *Pembimbing Masa* pada tahun 1966, pimpinan Haji Mahmud iaitu mulai daripada juzuk 1 hingga juzuk 4. Kemudian diterbitkan pula oleh *Pustaka Islam Surabaya* pada tahun 1973 iaitu juzuk 30, 15 hingga juzuk 29, sedangkan juzuk 5 hingga juzuk 14 diterbitkan oleh *Yayasan Nurul Islam* Jakarta pada tahun 1975. Penerbitan secara keseluruhan juzuk (30 juzuk) iaitu ketika Hamka berumur 73 tahun bertepatan pada hari jadi kelahiran beliau. Setelah itu tafsir al-Azhar disusun menjadi 9 jilid oleh penerbit Gema Insani pada tahun 2015 di Jakarta. Proses penulisan tafsir ini berlangsung selama 16 tahun (1962-1978) dan hasilnya dapat kita perolehi hingga ke hari ini.

### 3. Metodologi Kajian

Kajian artikel ini menggunakan metodologi kualitatif. Pendekatan metode kepustakaan digunakan untuk menganalisis hasil karya Hamka terutama berkaitan analisis terhadap istilah *Ulum al-Quran* seperti : *al-Quran, Tafsir, Ta'wil, Muhkam-Mutasyabih, Nasikh-Mansukh, I'jaz, Asbab al-Nuzul, dan Makiyyah-Madaniyah* yang terdapat dalam *Tafsir al-Azhar*. Pengumpulan data adalah metode yang paling umum untuk mendapatkan data atau fakta yang berkaitan dengan subjek kajian ini. Sumber primer kajian ini adalah *Tafsir al-Azhar* hasil penulisan Hamka sendiri. Manakala sumber sekunder pula ialah merujuk kepada buku-buku, jurnal, majalah, makalah-makalah serta sumber lain yang berkaitan.

#### 4. Study *Ulum al-Quran* menurut Hamka

##### 4.1 Dapatan Kajian

Dapatan Kajian daripada pandangan Hamka terhadap *Ulum al-Quran* dalam Tafsir al-Azhar akan dibentangkan dalam jadual berikut :

Jadual 1.0 : Pandangan Hamka terhadap Study *Ulum al-Quran* dalam Tafsir al-Azhar

No	Aspek Ulum al-Quran	Pandangan Hamka
1	al-Quran	Wahyu Allah S.W.T yang dibawa oleh malaikat Jibril kepada Nabi Muhammad S.A.W.
2	Tafsir	Sebagai Penjelas.
3	Ta'wil	Ta'wil hampir sama dengan tafsir. Ta'wil yang baik merupakan tuntunan daripada Allah, tidak mengikut hawa nafsu.
4	Muhkam-Mutasyabih	Muhkam disebut sebagai " <i>Ibu Kitab</i> " ianya menjadi sumber hukum yang sudah jelas maksud dan tujuannya dan tidak perlu diertikan lagi. Seperti sholat, zakat, haji, dan waris. Mutasyabih bermaksud ayat yang Serupa, bermacam, tidak hanya memiliki satu erti dan ianya susah untuk ditafsirkan seperti penjelasan tentang hubungan suami istri, huruf-huruf muqota'ah, ketuhanan, dan sebagainya.
5	Asbab al-Nuzul	Asbab al-Nuzul merupakan ayat yang diturunkan secara berangsur-angsur, kerana faktor keadaan masyarakat pada masa itu. Tujuannya agar mudah dalam menyelesaikan masalah yang timbul sehingga masyarakat tidak merasa berat untuk menerimanya.
6	I'jaz Quran	Ketidakmampuan (lemah) manusia untuk menjawab tantangan daripada al-Quran sebagai bukti kebenaran Risalah Nabi Muhammad S.A.W dan ianya adalah Mukjizat.
7	Nasikh-Mansukh	Nasikh maknanya dibahagi 2, <i>pertama</i> menghapus atau menghilangkan, <i>kedua</i> menyalin. Contohnya kertas yang bertulis direndam dalam air sehingga tulisannya terhapus. Sedangkan Mansukh adalah sesuatu yang dihapuskan.
8	Makiyyah-Madaniyah	Makkiyah merupakan ayat yang diturunkan di Makkah pembahasannya khusus tentang akidah dan tauhid kepada Allah SWT. Madaniyah merupakan ayat yang turun di Madinah. Ayat-ayatnya berkaitan tentang muamalah, hukum-hukum, peraturan dan segala yang berkaitan dengan negara dan kemasyarakatan.

## 4.2 Perbincangan Hamka Tentang *Ulum al-Quran*

### 4.2.1 Makna Al-Quran, Tafsir dan *Ta'wil*

Al-Quran merupakan kalam/firman Allah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW, ianya berasal daripada kata *qara'a* yang bermaksud bacaan, maka sesuatu yang dibaca itu dinamai al-Quran [19]. Secara istilah al-Quran merupakan kalam Allah yang diturunkan oleh malaikat Jibril kepada Nabi Muhammad berangsur-angsur dan disampaikan kepada seluruh ummat manusia dimulai dengan surah al-Fatihah dan diakhiri dengan surah al-Nass, diriwayatkan secara mutawatir dan membacanya mendapat pahala [20]. Pengertian al-Quran di atas tidak jauh beza dengan pandangan Hamka, beliau mengertikan bahawa al-Quran merupakan wahyu Allah SWT yang dibawa oleh malaikat Jibril kepada Nabi Muhammad SAW. Hal ini menunjukkan bahawa al-Quran bukanlah kitab yang karang oleh Nabi Muhammad sebagai seorang yang *ummi*. Al-Quran diturunkan bukan berupa mushaf seperti yang kita temui pada hari ini, tetapi ianya ayat-ayat yang langsung dihafal oleh Nabi dan para sahabat semasa turunnya, kemudian pada zaman Uthman barulah al-Quran dibukukan dalam bentuk mushaf [21].

Tafsir pula merupakan ilmu untuk memahami al-Quran dengan menjelaskan makna-maknanya dan mengeluarkan hukum dan hikmahnya [22]. Raghīb al-Isfahani mengatakan bahawa tafsir lebih umum daripada *ta'wil*. Tafsir lebih banyak digunakan kepada lafaz-lafaz al-Quran, sedangkan *ta'wil* lebih banyak digunakan kepada maknanya, seperti *ta'wil* mimpi. *Ta'wil* juga lebih banyak digunakan dalam kitab-kitab suci, sedangkan tafsir banyak digunakan untuk menemukan makna kata-kata dalam sebuah ucapan [23]. Tafsir dalam pandangan Hamka merupakan penjelas [24]. Pandangan beliau ini mengikut kepada ulama sebelumnya seperti Ibn Abbas yang menafsirkan kalimat tafsir itu sebagai penjelas (*tibyan*) [25]. Dalam menafsirkan al-Quran lebih utama daripada al-Quran itu sendiri, kemudian daripada hadis Nabi dan perkataan sahabat.

Kalimat *Ta'wil* secara bahasa bermakna kembali, sedangkan secara istilah ialah mengalihkan lafaz daripada maknanya yang *zhahir* kepada makna lain (*batin*) yang terkandung di dalamnya, makna tersebut mesti sesuai dengan al-Quran dan Sunnah Nabi [26]. Ibnu Taimiyah menegaskan bahawa istilah *ta'wil* memiliki tiga erti : *pertama*, *ta'wil* merupakan maksud yang terkandung daripada sebuah perkataan samaada ianya sesuai dengan *zahir* lafaz mahupun sebaliknya. *Kedua*, *ta'wil* bererti tafsir sebagaimana yang digunakan oleh kebanyakan ulama tafsir. *Ketiga*, *ta'wil* bererti mengalihkan lafaz daripada makna *zahirnya* kerana adanya dalil yang menunjukkan hal itu. Pengertian istilah ini belum ada pada zaman *salaf*, ianya baru dikenali pada zaman *mutaakhirin* (*khalaf*) daripada kalangan ahli *fiqh*, kalam, dan *tasawwuf* [27].

Dalam mengertikan *ta'wil*, Hamka berpandangan bahawa *ta'wil* itu hampir sama dengan tafsir, sebab itulah istilah *taw'il* tidak dijumpai dalam tafsirnya [28]. *Ta'wil* yang baik merupakan tuntunan daripada Allah dan tidak mengikut hawa nafsu. Orang yang faham dengan *ta'wil* adalah orang yang “luas ilmunya”, dan atas kehendak Allah S.W.T [29]. Dalam tafsir al-Azhar pengertian tafsir dan *ta'wil* tidak dijelaskan secara luas oleh Hamka. Hal ini kerana tidak membingungkan dan menyusahkan para pembaca yang berbeza kemampuan ilmunya. Selain itu ianya juga ingin menghindari pembaca agar tidak fanatik terhadap satu pengertian (*ta'wil*), sedangkan para ulama memiliki banyak pendapat tentangnya.

### 4.2.2 *Muhkam* dan *Mutasyabih*

*Muhkam* bermaksud sesuatu yang tidak diragukan, jelas [30] ayat yang kokoh dan kuat [31]. Menurut Hamka *muhkam* disebut sebagai “*Ibu Kitab*”, ertinya menjadi sumber hukum. Pemahaman ini berdasarkan firman Allah disurat Ali-Imran: 7; “Dia-lah yang menurunkan kepadamu (wahai Muhammad) Kitab Suci Al-Quran. Sebahagian besar dari Al-Quran itu ialah ayat-ayat “*Muhkamaat*” (yang tetap, tegas dan nyata maknanya serta jelas maksudnya); ayat-ayat *Muhkamat* itu ialah ibu (atau

pokok) isi Al-Quran. Dan yang lain lagi ialah ayat-ayat "*Mutasyabihat*" (yang samar-samar, tidak terang maksudnya)". Dalam menafsirkan ayat-ayat muhkam, maka tidak perlu diertikan lagi kerana sudah jelas maksud dan tujuannya. Seperti ayat-ayat perintah solat, zakat, puasa, haji, waris, dan sebagainya.

Sedangkan *Mutasyabih* bermaksud sesuatu yang tidak sama, (berbeza) [32], dua hal yang tampak bertentangan [33], tidak jelas, tertutup, susah mengetahui ertinya [34]. Secara khusus ayat-ayat *mutasyabih* merupakan ayat yang susah untuk ditafsirkan, seperti ayat-ayat tentang hubungan suami isteri, huruf-huruf muqota'ah, tentang ketuhanan, dan sebagainya. Sikap Hamka terhadap ayat-ayat *mutasyabih* ini ada dua cara : *pertama*, menggunakan penta'wilan terhadap ayat-ayat yang dianggapnya dapat dicari *ta'wilnya*, *kedua*, besikap *tawakufi* terhadap ayat-ayat yang dianggapnya hanya Allah S.W.T sahaja yang mengetahui *ta'wilnya*. Jika dita'wilkan secara paksa, maka dikhuatiri akan keluar dan menyimpang daripada maksud ayat yang sebenar. Kerana akal mempunyai kemampuan terbatas untuk mengetahui hal-hal yang samar dan ghaib [35].

#### 4.2.3 *Asbab al-Nuzul*

Adanya perbezaan ayat dan surah dalam al-Quran, menunjukkan bahawa al-Quran diturunkan secara berangsur-angsur, tidak diturunkan sekaligus seperti kitab-kitab suci sebelumnya. Selain itu ada yang mempunyai sebab dan ada juga yang tidak mempunyai sebab [36]. Cara mengetahuinya mesti merujuk kepada hadis-hadis *sahih*. Menurut Wahidi dan Suyuti terdapat 600 ayat yang memiliki *asbab al-Nuzul* [37]. Ada ayat yang turun di Makkah dan ada yang di Madinah, turunnya mengikut keperluan kerana keadaan masyarakat masa itu. Terkadang satu surah panjang turunnya berbulan-bulan, bahkan bertahun-tahun lamanya. Hal ini bertujuan untuk mengokohkan dan menguatkan fikiran masyarakat terhadap suatu permasalahan yang dihadapi, terutama masalah yang perlukan solusi [38]. Al-Quran yang diturunkan berangsur-angsur selama 13 tahun di Makkah dan 10 tahun di Madinah menurut Hamka memiliki hikmah yang dalam yaitu terjaganya hubungan antara Allah SWT dengan Rasulullah SAW kemudian ayat-ayat tersebut dibacakan dan diajarkan kepada para sahabat sehingga hubungan Nabi dengan sahabat semakin luaslebih luas [39]. Selain itu tidak semua sahabat memiliki kemampuan yang sama dalam segi intelektual untuk menerima penjelasan daripada Nabi tentang ayat yang diturunkan begitu juga dari segi menghafal. Mereka juga memiliki kesibukan yang berbeza dari segi urusan duniawi dan sebagainya. Secara teori *asbab al-Nuzul* dalam Tafsir al-Azhar tidak dijelaskan secara terperinci oleh Hamka sama ada konsep, cabang dan contoh kerana merujuk kepada tujuan penulisan tafsir ini adalah agar mudah dibaca dan dipahami oleh masyarakat awam Indonesia, oleh itulah pengertian *asbab al-Nuzul* dibuat secara umum sahaja.

#### 4.2.4 *I'jaz al-Quran*

*I'jaz* secara bahasa bererti melemahkan, meninggalkan (tidak berdaya), ciri al-Quran kerana keunggulan sastera dan isinya [40], ianya tidak dapat ditiru oleh manusia, kerana al-Quran adalah mu'jizat [41]. Pengertian ini hampir sama dalam pandangan Hamka begitu juga ulama yang lain [42]. Secara umum mukjizat atau *i'jaz al-Quran* dapat diertikan sebagai ketidakmampuan siapapun untuk menjawab tantangan al-Quran yang merupakan bukti kebenaran risalah Nabi Muhammad S.A.W. Al-Quran mencabar sesiapa sahaja, sama ada manusia atau jin, untuk membuat kitab suci seperti Al-Quran. Cabaran al-Quran disampaikan sebanyak 3 kali, pertama cabaran secara keseluruhan untuk manusia dan jin (QS al-Isra [17]: 88), kedua, cabaran untuk membuat 10 huruf (Surah Hud [11]: 13-14), dan ketiga, cabaran untuk membuat satu huruf sahaja (Surah Yunus [10]: 38, al-Baqarah [2]: 23-24). Hamka mengatakan bahawa tidak ada seorangpun yang mampu membuat satu surah saja seperti halnya al-Quran. *I'jaz* dalam pandangan Hamka merupakan salah satu ilmu yang wajib diperhatikan, dipelajari ketika menafsirkan al-Quran. Merupakan keistimewaan yang telah dicapai oleh bangsa Arab, sehebat dan setinggi apapun ilmu seseorang maka tidak akan mampu menandingi al-Quran, dan tingginya ajaran akhlak al-Quran kepada manusia. Hamka mengemukakan empat bentuk *i'jaz* al-Quran :

1. *Fasahah* dan *Balaghah* artinya al-Quran memiliki susunan bahasa, irama, gaya serta pengaruh kata yang mempesona dan sangat tinggi, melebihi karya sastra, prosa, syair, *nashar* dan *nazam* sampai bila-bila [43].
2. Al-Quran banyak menceritakan kisah-kisah yang sangat bermanfaat dan memiliki kemiripan dengan kitab-kitab sebelum al-Quran, hal ini tidak mungkin diceritakan oleh Nabi yang ummi kecuali Allah bagi mu'jizat melalui al-Quran itu sendiri.
3. *I'jaz* al-Quran merupakan pemberitaan daripada Allah kepada Nabi Muhammad, sama ada yang sudah lampau, yang sedang terjadi mahupun yang akan datang.
4. *I'jaz* al-Quran terdapat pada ayat-ayat tentang alam semesta, bermula dari terbentuknya, proses, perkembangannya, dan juga penciptaan manusia serta tumbuh-tumbuhan, kesemuanya terdapat dalam al-Quran.

Di antara *i'jaz* ini, ada sesuatu yang biasa dirasakan oleh seluruh umat manusia, terutama berkenaan dengan komposisi bahasa, balaghah, dan fashah yang sangat dirasakan oleh orang Arab. Oleh itu mukjizat yang diberikan kepada Nabi Muhammad bukanlah mukjizat yang dapat dilihat oleh mata dan indera (hissi), tetapi untuk dilihat oleh hati dan dituntut untuk berfikir (bermakna) [44].

#### 4.2.5 *Nasikh Mansukh*

*Nasikh* secara bahasa artinya menghapus, menghancurkan, *tabdil* dan *tagyir* [45]. *Nasikh* adalah *isim fa'il* dan *mansukh* adalah *isim maf'ul* maksudnya adalah menghilangkan sesuatu dengan sesuatu yang mengikutinya, seperti matahari menghilangkan bayang-bayang [46]. Ayat yang dihapus dinamakan *mansukh*, dan ditukar dengan ayat penghapus (*nasikh*) [47]. *Nasikh* menurut Hamka bermaksud : *pertama*, menghapus atau menghilangkan, *kedua* menyalin. Contohnya kertas yang bertulis direndam dalam air, akhirnya tulisan terhapus oleh air. Air disebut sebagai *nasikh* sedangkan tulisan disebut sebagai *mansukh* [48]. Dalam tafsirnya Hamka tidak memasukkan bahagian *nasikh* dan *mansukh* ini, menurut beliau ianya bahagian yang masih diperdebatkan oleh para ulama tafsir. Selain itu tujuan tafsir ini dibuat adalah dapat memudahkan dan memberi kefahaman kepada masyarakat di Indonesia.

#### 4.2.6 *Makkiyah dan Madaniyah*

Ada 3 pendapat mengenai konsep *Makkiyah-Madaniyah* ini : *pertama*, wahyu yang turun mengikut tempat. *Makkiyah* iaitu ayat yang turun di Makkah dan wilayah-wilayah sekitarnya seperti Mina, Arafah, dan daerah Hudaibiyah. *Madaniyah* pula adalah ayat-ayat yang turun di Madinah dan wilayah disekitarnya seperti tempat peperangan Uhud dan Badr dan sebagainya. *Kedua*, ayat yang turun mengikut masa setelah hijrah pertama dari Makkah ke Madinah. *Ketiga*, ayat yang turun mengikut lawan bicara (*mukhatab*). Ayat-ayat *Makkiyah* secara amnya untuk orang kafir, seperti “*yaa ayyuhannas*”. Sedangkan ayat *Madaniyah* untuk orang-orang beriman, seperti “*yaa ayyuhallazi na amanu*” [49]. *Makkiyah* berjumlah kurang lebih 85 surat dan *Madaniyah* sekitar 20 surat [50]. Pendapat lain mengatakan *Makkiyah* berjumlah 82 surat, sedangkan *Madaniyah* 20 surat [51]. Ayat *Makkiyah* ada yang turun di Madinah dan sebaliknya [52].

Hamka mengatakan bahawa ayat-ayat *Makkiyah* lebih memfokuskan kepada pengukuhan akidah dan tauhid, menentang penyembahan berhala, menuhankan benda dan mengajak manusia untuk memerdekakan akal dan jiwa daripada penghambaan, tradisi, taklid. Ayat-ayat *Madaniyah* pula memfokuskan kepada muamalah, hukum hakam, peraturan dan segala yang berkaitan dengan negara dan kemasyarakatan. Misalnya hukum-hukum mengenai peperangan, hubungan diplomatik antar negara, peraturan mengenai perjanjian dan perdamaian, urusan keluarga, nikah, talak, rujuk, waris, masyarakat yang adil dan makmur dengan adanya zakat dan haji, dan semua urusan/pekerjaan yang menuju keadilan dan sebagainya [53].



## 5. Kesimpulan

Keberagaman corak penafsiran al-Quran dikalangan ulama berbeza-beza. Hal itu terkadang dipengaruhi oleh faktor antropologis, sosiologis dan psikologis. Tafsir al-Azhar karangan Hamka misalnya, muncul disaat Indonesia baru memperoleh kemerdekaan. Perubahan politik dan keadaan masyarakat masa itu menjadikan tafsir Hamka sangat sederhana. Hamka tidak ingin membahas permasalahan-permasalahan yang dianggap banyak perbezaan dalam kacamata ilmu tafsir dan *Ulum al-Quran*. Oleh itulah beliau hanya mempersembahkan karya yang mudah dipahami oleh masyarakat Indonesia sama ada masyarakat awam mahupun yang berpendidikan.

Dalam kajian *Ulum al-Quran*, Hamka hanya menyinggung sedikit banyak tentang *Muhkam-Mutasyabih, Nasikh-Mansukh, Makkiyah-Madaniyah, Asbab al-Nuzul, I'jaz al-Quran, dan pengertian Quran, tafsir dan ta'wil*. Hal ini kerana cabang-cabang ilmu ini yang dianggap penting dan bermanfaat dalam memahami dan menafsirkan al-Quran. Oleh itulah beliau tidak menyentuh cabang-cabang *Ulum al-Quran* yang lain. Dalam pemaparannya terhadap study *Ulum al-Quran* kita dapat melihat bahawa beliau memiliki pengetahuan dalam ilmu tafsir pada masa itu dan penafsiran beliau ini adanya sokongan daripada pandangan dan pemahaman daripada ulama salaf dan khalaf sehingga terhasillah kitab Tafsir al-Azhar tersebut.

## Acknowledgement

The authors express their sincere gratitude to the Centre for General Studies and Co-curricular, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) for its support.

## Rujukan

- [1] Abdullah Saeed, Ed., *Approaches to the Qur'an in Contemporary Indonesia*. London: Oxford Univeristy Press, 2005, p. 1
- [2] Ayatullah Sayyid Kamal Faghieh Imani, *Nur al-Qur'an: An Enlightening Commentary Into The Ligh Of The Holy Qur'an*. Iran: Imam Ali Public Library, 1998, p. 16.
- [3] Muhammad bin Muhammad Abu Syahbah, *al-Madkhal li Dirasat al-Quran al-Karim*. Kairo: Maktabah as-Sunnah, 1992, p. 25
- [4] Abdul Azhîm al-Zarqanî, *Manâhil al-Irfân fi Ulûm al-Qur'ân*. Beirut: Dâr al-Maktabah al-Arabiyyah, 1995, I, p. 35
- [5] Khalid 'Abdurrahman al-'Akk, *Ushul al-Tafsir wa Qawa'iduh*. Beirut: Dar al-Nafs, 2007, p. 40
- [6] Zainuddin Labai El-Yunusi adalah seorang Pemikir Pendidikan Islam di Sumatera Barat-Indonesia, ia lahir di kota Padang Panjang 12 Rajab 1308 H (1890M)-19 Juni 1924 dan wafat di usia 34 tahun. Muhammad Yunus, *Sejarah Pendidikan Islam Di Indonesia*. Jakarta: Hida Karya Agung, 1996, p. 165
- [7] H. Ruysdi, *Pribadi dan Martabat Buya Prof. Dr. Hamka*. Jakarta: Pustaka Panjimas, 1983, p. 2
- [8] Hamka, *Kenang-Kenangan Hidup*. Jakarta: Bulan Bintang, 1974, p. 105
- [9] Badiatul Razikin (dkk.), *101 Jejak Tokoh Islam*. Yogyakarta: e-Nusantara, 2009, p. 191
- [10] Badiatul Razikin (dkk.), , h.190
- [11] Hamka, *Tafsir al-Azhar*. Jakarta: Gema Insani, 2015, I, p. 47
- [12] Hamka, I, p. 50
- [13] Hamka, I, p. 3

- [14] Milhan Yusuf, "Hamka's Method Of Interpreting The Legal Verses Of The Qur'an: A Study Of His Tafsiral-Azhar", Thesis Master, Canada: McGill University, 1995, p. 20. And Howard M. Federspiel, *Deepening Faith and Strengthening Behaviour: Indonesian Studies of Qur'an and Hadith*. Jakarta: Privately Published, 1987, p. 99
- [15] Abd al-Hayy al-Farmawi, *Al-Bidayah Fi Al-Tafsir Al-Maudu'i (Metode tafsir Mawdu'i: Sebuah Pengantar*. Jakarta: Raja Grafindo Persada, 1996, p. 23-24
- [16] Abdullah Saeed, *Interpreting the Qur'an: Towards a Contemporary Approach* (New York: Routledge, 2006), 3.
- [17] Hamka, *Mukaddimah Tafsir Al-Azhar*, I, p. 38.
- [18] Howard M. Federspiel, *Kajian-Kajian Al-Qur'an di Indonesia*. Bandung: Mizan, 1996, p. 142.
- [19] Jalaluddin as-Suyuthi, *al-Itqan fi 'Ulumul Qur'an*. Beirut: al-Maktabah al-'shariyyah, 2003, I, p. 146.
- [20] Pemahaman ini dimbil ketika Hamka menafsirkan Q.S. al-Baqarah [2]: 2. Hamka, *Tafsir al-Azhar*, 6, p. 373-374.
- [21] Abdul Azhîm al-Zarqanî, *Manâhil al-Irfân fi Ulûm al-Qur'ân*, Beirut: Dâr al-Maktabah al-Arabiyah, 1995, 2, p. 6
- [22] Muhammad bin Abdullah Az-Zarkasyi, *Al-Burhan fi Ulum Al-Qur'an*. Kairo: Dar Al-Hadith, 2006, p. 415-416
- [23] Hamka, VI, h. 373
- [24] Abi Tahir bin Ya'qub al-Fairuz Abadi, *Tanwir al-Miqbas min Tafsir Ibn 'Abbas*. Beirut: Dar al-Fikr, 1995, p. 263
- [25] Ali bin Muhammad Al-Jurjani, *Kitab At-Ta'rifat*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiah, 1988, p. 50
- [26] Ibnu Taimiyah, *Majmu' Al-Fatawa*. Riyadh: Dar Al-Wafa', 2005, IV, p. 68-69
- [27] Hamka, I, p. 33
- [28] Hamka, I, h. 581
- [29] Ragib Al-Asfahani, *al-Mufradat fi al-Garibi al-Qur'an*, Istanbul: Çıra Yayınları, 2006, p. 333-334
- [30] Sait Şimşek, *Hayat Kaynağı Kur'an Tefsiri*. Istanbul: Bayan Yayınları, 2016, p. 314
- [31] Ibn Manzûr, *Lisânu'l-Arab*. Cairo: Dar al-Ma'arifs, IV, p. 2189
- [32] Abu Huseyn Ahmad Ibn Zakariyâ Ibn Faris, *al-Mu'jam al-Maqyîs al-Luġa*. Beirut: Dâr al-Fikr, 1979, III, p. 243
- [33] Muhsin Demirci, *Tefsir Usulü*. Istanbul: M.Ü. İlahiyat Fakültesi Vakfı Yayınları, 2014, p. 154
- [34] Hamka, I, p. 580-581
- [35] İsmail Cerrahoğlu, *Tefsir Usûlü*. Türkiye: Türkiye Diyanet Vakfı, 2018, p. 135
- [36] Demirci, p. 222
- [37] Hamka, I, p. 8
- [38] Hamka, VI, p. 372

- [39] Yusuf Şevki Yavuz, "İ'cazul-Kur'an". in D.İ.A, 4. İstanbul: Türkiye Diyanet Vakfı, 2000, p. 403-406
- [40] Mana' al-Qathan, *Mabâhis fi Ulumil Qur'ân*. Cairo: Maktaba Wahbah, 2000, p, 250-251. Dan Mustafa Muslim, *Mabâhis fi İ'câzul Qur'ân*. Riyadh: Der Muslim, 1996, p. 14-15.
- [41] Hamka, I, p. 11.
- [42] Hamka, I, p. 15-17.
- [43] Hamka, I, p. 11-12.
- [44] Remzi Kaya, *Kur'an'da Nesih*. Bursa: Furkan Ofset, 2001, p. 23-25.
- [45] Ar-Raghib al-Asfahani, *Mu'jam Mufradat al-Fazh al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Fikr, p. 511.
- [46] Muhsin Demirci, p. 230-231.
- [47] Hamka, I, p. 212-213.
- [48] Cerahoğlu, p. 65
- [49] Az-Zarkasyi, p. 194.
- [50] Suyuti, p. 50-59.
- [51] Abdurrahman Cetin, "Ayet", in D.İ.A. 4. İstanbul: Türkiye Diyanet Vakfı, 1991, p.242-244.
- [52] Hamka, I, p. 7-8.